

21 FEB 2000

RAPAT UMUM BAWA UMNO KE S'WAK DIBATALKAN

KUCHING, 21 Feb (Bernama) -- Satu rapat umum yang sepatutnya diadakan Ahad ini bagi mendapatkan sokongan agar Umno bergiat di Sarawak, dibatalkan setelah tidak mendapat kelulusan dari Setiausaha Kerajaan Negeri dan polis.

Dalam satu kenyataan hari ini, Suhaili Hamid yang menamakan dirinya Setiausaha Penaja Umno Sarawak berkata, keputusan itu adalah lanjutan daripada "keputusan Majlis Tertinggi Umno dan saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad."

Minggu lepas, Majlis Tertinggi Umno membuat keputusan bahawa parti itu tidak akan mengembangkan sayapnya ke Sarawak.

-- BERNAMA

RDY MAI